

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.0 Pengenalan

Bab ini memuatkan maklumat proses pengumpulan data mengenai strategi pembelajaran, pilihan motivasi, dan pencapaian pelajar dalam pembelajaran bahasa Jepun di UiTM Shah Alam. Bab ini juga memuatkan maklumat mengenai sampel dan juga penerangan lanjut mengenai kajian rintis, instrument kajian, dan kesimpulannya.

3.1 Rekabentuk Kajian

Kajian dibuat dalam bentuk deskriptif melalui borang soal selidik. Sejumlah 265 orang pelajar yang mengambil bahasa Jepun sebagai pilihan bahasa asing telah terpilih secara rawak. Soal selidik terbahagi kepada tiga bahagian besar iaitu bahagian A yang terdiri daripada item-item demografi dan keputusan peperiksaan. Bahagian B pula terdiri daripada item-item motivasi. Sementara bahagian C pula ialah item-item strategi pembelajaran.

Soalan-soalan dibuat dalam bentuk skala likert dari pemeringkatan 1 hingga 5. Untuk menjawab soalan-soalan kajian yang telah ditetapkan di bab 1, data-data di analisa dengan menggunakan "*Statistical Package for social Science (SPSS) for Windows Version 14.0*". Analisa dipermudahkan lagi untuk kefahaman dengan memaparkan 15 jadual dan 4 carta.

Bagi analisa menggunakan SPSS tumpuan diberikan kepada analisa min. Min pada setiap item mengikut kekerapan penggunaan strategi di antara keenam-enam strategi tersebut. Semua data-data tersebut dipaparkan mengikut susunan persoalan kajian yang telah dikemukakan. Interpretasi untuk hasil-hasil min dipaparkan di jadual 4.5 (Strategi pembelajaran memori, jadual 4.6 (Strategi pembelajaran kognitif), jadual 4.7 (Strategi pembelajaran gantian), jadual 4.8 (Strategi pembelajaran metakognitif), jadual 4.9 (Strategi pembelajaran afektif), dan jadual 4.10 (Strategi pembelajaran sosial).

Untuk interpretasi hubungkait antara strategi pembelajaran dengan pencapaian dan hubungkait antara strategi pembelajaran dan motivasi, korelasi Pearson digunakan. Teknik korelasi merupakan teknik analisis yang melihat kecenderungan pola dalam satu variabel berdasarkan kecenderungan pola pada variabel yang lain. Jika satu variabel memiliki kecenderungan untuk naik maka kecenderungan dapat kita lihat dalam variabel yang lain samada naik atau turun atau tidak menentu. Dalam hal ini sekiranya kecenderungan dalam satu variabel diikuti oleh kecenderungan dalam satu variabel yang lain, dapat kita katakan bahawa kedua-dua variabel ini memiliki hubungan korelasi.

Dalam membahaskan korelasi atau hubungkait, perkara-perkara berikut harus difahami: Jika kenaikan kuantiti dari satu variabel diikuti dengan kenaikan kuantiti dari variabel yang lain, maka kedua-dua variabel memiliki korelasi yang positif. Jika kenaikan kuantiti dari satu variabel diikuti dengan penurunan kuantiti dari satu variabel yang lain, maka dapat kita katakan bahawa kedua variabel ini memiliki korelasi yang negatif. Jika kenaikan kuantiti dari satu variabel diikuti oleh kenaikan dan penurunan kuantiti secara random dari variabel lain atau jika kenaikan satu variabel tidak diikuti oleh kenaikan atau penurunan kuantiti variabel yang lain (stabil), maka dapat dikatakan

bahawa kedua-dua variabel tidak berkorelasi atau mempunyai korelasi yang hampir tiada.

Contoh pengiraan korelasi Pearson r ditunjukkan pada fomular dibawah. Jika diaplikasikan kepada pengiraan data penyelidikan ini, X adalah jenis strategi pembelajaran, manakala Y adalah pencapaian pelajar.

Contoh Pengiraan Korelasi Pearson

$$\begin{aligned}
 r &= \frac{\Sigma XY - \frac{(\Sigma X)(\Sigma Y)}{n}}{\sqrt{\left[\Sigma X^2 - \frac{(\Sigma X)^2}{n} \right] \left[\Sigma Y^2 - \frac{(\Sigma Y)^2}{n} \right]}} \\
 &= \frac{8,566 - \frac{(417)(446)}{21}}{\sqrt{\left[8,697 - \frac{(417)^2}{21} \right] \left[9,802 - \frac{(446)^2}{21} \right]}} \\
 &= \frac{-290.2857}{\sqrt{(416.5714)(329.8095)}} = \frac{-290.2857}{370.6605} \\
 &= -.783
 \end{aligned}$$

Di mana r korelasi Pearson

X strategi pembelajaran

Y pencapaian pelajar

Sekiranya $r +$ (positif) bererti variabel X berpengaruh secara positif terhadap Y. Makin dekat ke 1 makin sempurna hubungan linear X dan Y. Jika nilai $r -$ (negatif) bererti

variabel berpengaruh secara berlawanan terhadap Y. Makin dekat ke 1 makin sempurna hubungan linear terbalik X dan Y. Sebaliknya sekiranya nilai r mendekati 0 bererti variabel X tidak berpengaruh secara linear.

Di dalam contoh di atas, nilai $r = -.783$ menunjukkan bahawa terdapat korelasi negatif yang tinggi di antara X dan Y.

Analisis korelasi *pearson r* dalam kajian ini digunakan untuk melihat arah hubungan antara pembolehubah bebas yang terdiri daripada pencapaian pelajar dan motivasi pelajar dengan pembolehubah bersandar iaitu strategi pembelajaran. Di samping itu melalui analisis korelasi dapat diketahui kekuatan hubungan antara pembolehubah bebas dengan pembolehubah bersandar dengan melihat kepada korelasi (nilai r). Juga melalui analisis korelasi dapat diketahui sama ada hubungan antara pembolehubah bebas dengan pembolehubah bersandar itu signifikan atau tidak.

3.2 Persampelan Data

UiTM Shah Alam, dengan lebih dari 10,000 orang pelajar, terbahagi kepada 3 gugusan fakulti yang besar iaitu Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Fakulti Sains sosial dan Kemanusiaan dan Fakulti Sains dan Teknologi. Semua pelajar ijazah diwajibkan mengambil bahasa ketiga (bahasa asing) yang disediakan oleh Akademi Pengajian Bahasa. Kursus-kursus ini dirancang khas bagi menyediakan pelajar ke alam pekerjaan kelak.

Dalam kajian ini penulis hanya menumpukan kepada pelajar-pelajar yang mengambil bahasa Jepun sebagai bahasa ketiga di UiTM Induk Shah Alam sahaja. Bagi memenuhi syarat lulus peperiksaan, pelajar perlu lulus tiga kod matapelajaran bahasa Jepun

dengan jayanya iaitu BJP 401(permulaan), BJP 451(pertengahan) dan BJP 501(lanjutan). Bagi kajian ini, kajian telah dibuat ke atas pelajar yang telah pun selesai mengambil dua kod matapelajaran Bahasa Jepun sahaja iaitu BJP 401 dan BJP 451 pada tahun 2007.

Pemilihan responden adalah secara rawak dari beberapa fakulti seramai 300 orang dari populasi yang seramai 900 orang pelajar yang khusus mengambil bahasa jepun di UiTM induk Shah Alam. Namun begitu seramai 265 orang pelajar telah menjawab soal selidik tersebut. Bilangan populasi ini diperolehi dari data pelajar yang menduduki peperiksaan akhir Oktober/November 2007 yang disediakan oleh jawatankuasa pengurusan jadual waktu peperiksaan, Akademi Pengajian Bahasa. Kesemua pelajar ini adalah pelajar-pelajar bumiputera yang tidak ada latarbelakang bahasa Jepun mahupun pernah melawat ke negeri berkenaan. Walaupun pelajar-pelajar ini terdiri dari pelajar-pelajar yang sudahpun menduduki peperiksaan matapelajaran BJP 401 dan BJP 451 secara berasingan namun keputusan bagi kedua-dua kod tersebut tidak dinilai secara berasingan, keputusan bagi kedua-dua kod tersebut diambil secara purata keseluruhan.

3.3 Kajian Rintis

Satu kajian rintis telah dijalankan untuk menguji kesahihan serta kebolehpercayaan item-item yang telah dipilih dalam borang soal selidik sebelum kajian sebenar dijalankan. Untuk itu, 30 orang responden telah dipilih secara rawak. Responden tersebut terdiri daripada pelajar yang menuntut di UiTM cawangan Pulau Pinang. Pelajar-pelajar ini dipilih kerana pelajar-pelajar ini adalah kumpulan pelajar yang mengambil kod yang sama dengan responden sebenar kajian. Data-data dikumpul melalui borang soalselidik yang diedar dan telah dianalisis dengan menggunakan

perisian komputer “*Statistical Package for Social Science (SPSS) for Windows Version 14.0*”. Hasil daripada analisis yang diperolehi mendapati tahap kebolehpercayaan (*Alpha Croanbach*) item-item daripada borang soalselidik ialah seperti berikut:

- 1) Soal selidik bahagian B yang terdiri dari soalan-soalan yang berkaitan dengan motivasi ialah 0.975

- 2) Soal selidik bahagian C yang terdiri dari soalan soalan strategi pembelajaran ialah: Strategi pembelajaran memori (0.716), strategi pembelajaran kognitif (0.840), strategi pembelajaran gantian (0.815), strategi pembelajaran metakognitif (0.839), strategi pembelajaran afektif (0.795) dan strategi pembelajaran sosial (0.796).

Menurut Dornyei (2003), nilai koefisien r mestilah melebihi .70 dan rendah dari .60. Dalam kajian ini nilai alfa yang diperolehi menunjukkan kesemua item-item di dalam soal selidik ini mempunyai nilai reliabiliti dan sesuai digunakan dalam kajian sebenar.

3.4 Instrument Kajian

Borang soal selidik telah digunakan sebagai instrument kajian. Soal selidik ini telah diterjemahkan ke bahasa Melayu oleh seorang penterjemah yang pakar dalam terjemahan bahasa Inggeris ke bahasa Melayu. Soal selidik dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu:

i. Bahagian A : Maklumat Am

Bahagian ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat responden berkaitan fakulti, gender, dan gred pencapaian dalam bahasa Jepun.

ii. Bahagian B : Soal Selidik Motivasi

Bahagian ini mengandungi 12 item motivasi. Soalan-soalan berdasarkan model pendidikan Gardner (1985) yang membahagikan motivasi kepada integratif dan instrumental. Soalan-soalan motivasi terdiri dari enam item soalan-soalan yang menjurus kepada soalan yang berbentuk integratif dan enam soalan lagi berbentuk instrumental. Soalan-soalan integratif dan instrumental seterusnya tidak diberi pembahagian yang jelas supaya pelajar-pelajar tidak terpengaruh dengan pembahagian tersebut. Walaubagaimanapun dalam soalselidik ini soalan 1 hingga 6 adalah soalan intergratif manakalan soalan 7 hingga 12 adalah soalan instrumental.

Soalan-soalan motivasi ini diadaptasi dari soal selidik motivasi yang telah dibuat oleh Kimura (2001), dan Takagi (2003) dan telah diterjemah serta diubahsuai mengikut keadaan dan latar belakang pelajar yang mengambil bahasa Jepun di UiTM.

iii. Bahagian C: Soal Selidik Strategi Pembelajaran

Bahagian ini dibahagikan kepada enam kategori soalan iaitu mengikut enam pembahagian kategori yang telah dibuat oleh Oxford (1990). Kategori strategi pembelajaran pertama ialah strategi pembelajaran memori mengandungi 9 item soalan. Kategori kedua ialah strategi pembelajaran kognitif mengandungi 14 item soalan. Strategi yang ke tiga ialah strategi pembelajaran gantian (*compensation*) mengandungi 6 item soalan. Seterusnya kategori yang ke empat iaitu strategi pembelajaran metakognitif mengandungan 9 item soalan. Strategi yang ke lima iaitu strategi pembelajaran afektif mengandungi 6 item soalan dan akhir sekali strategi yang dikategorikan sebagai strategi sosial mengandungi 6

item soalan juga. Soalan-soalan di bahagian ini diadaptasi dari *Strategy Inventory for Language Learning* (SILL 7.0 ESL/EFL, Oxford, 1990). Soalan-soalan ini juga diterjemahkan sepenuhnya (*rephrased*) dan diubahsuai mengikut persesuaian latarbelakang pelajar dan pembelajaran bahasa Jepun kerana soalan-soalan ini pada asalnya digunakan untuk pembelajaran bahasa Inggeris.

Bahagian ini bertujuan untuk mendapatkan kekerapan penggunaan strategi pembelajaran yang digunakan. Hasil dari dapatan tersebut akan dikaitkan dengan gred pencapaian pelajar dan juga motivasi pelajar.

Semua elemen bagi setiap kriteria di bahagian B diukur berdasarkan kepada skala *Likert* yang mempunyai 5 tahap ukuran dan nilai skor seperti berikut:

1	2	3	4	5
Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Tidak Pasti	Setuju	Sangat Setuju

Manakala elemen bagi setiap kriteria di bahagian C pun diukur sama seperti di bahagian B cuma nilai 1 hingga 5 diubah perkataannya seperti berikut:

1	2	3	4	5
Tidak Pernah	Jarang-jarang	Kadang-kadang	Kerap Kali	Selalu

Perkataan telah diubah kerana mengambil kira perkataan “setuju/tidak setuju” kurang sesuai bagi mengukur kekerapan penggunaan strategi pembelajaran.

3.5 Prosedur Pengagihan Borang Soal Selidik

Kajian ini telah dijalankan ke atas calon-calon peperiksaan akhir bahasa Jepun pada bulan November 2007 di dewan sukan kampus induk UiTM Seksyen 2 Shah Alam. Oleh kerana pengkaji sendiri adalah salah seorang dari tenaga pengajar subjek ini

(bahasa Jepun), dan kakitangan yang lain pun adalah rakan pengkaji, pengagihan borang soal selidik adalah satu prosedur yang mudah. Setelah mendapat kebenaran dan persetujuan, sebelum peperiksaan dimulakan pelajar yang akan menduduki peperiksaan BJP 501 telah terlebih dahulu diberitahu bahawa setelah selesai peperiksaan mereka diminta memberi kerjasama untuk menjawab satu soal selidik mengenai strategi pembelajaran dan motivasi. Responden telah diterangkan secara ringkas tentang objektif dan impak kajian ini dilakukan. Pengkaji juga memberi jaminan kepada pelajar bahawa semua maklumat dan data yang diperolehi adalah semata-mata untuk kegunaan kajian.

Oleh kerana mereka hanya akan menduduki peperiksaan akhir BJP 501 pada hari tersebut maka sudah tentu keputusan bagi kod BJP 501 tidak ada semasa menjawab soal selidik tersebut. Justeru itu responden cuma perlu mengisi keputusan dua kod Bahasa Jepun iaitu BJP 401 dan BJP 451 sahaja bagi menjawab gred pencapaian bahasa Jepun di soal selidik bahagian A. Bagi pengkaji, dua kod ini sudah cukup memadai untuk mengetahui strategi pembelajaran responden dan kaitannya dengan gred pencapaian. Bagi responden yang habis menjawab soalan peperiksaan awal, dikehendaki mengisi borang soal selidik di luar dewan peperiksaan.

Sejurus sahaja peperiksaan akhir BJP 501 tamat, penerangan ringkas tentang soal selidik ini dijelaskan sekali lagi kepada responden yang terpilih. Kemudian responden-responden diminta menjawab borang soal selidik ini serentak di dewan peperiksaan dalam jangkamasa sepuluh hingga limabelas minit. Setelah selesai responden-responden diminta meletakkan borang soal selidik yang telah dijawab ke dalam kotak di pintu keluar dewan peperiksaan. Sebagai tanda terima kasih sebuah cenderahati

berbentuk “aguk kunci” telah diberikan kepada responden. Pengkaji kemudiannya mengumpulkan borang soal selidik tersebut untuk dianalisa.

3.6 Kesimpulan

Bab ini dimulakan dengan rekabentuk kajian secara keseluruhan dan diikuti dengan penerangan tentang responden kajian. Sebelum kajian sebenar dibuat satu kajian rintis telah dijalankan bagi menguji realibiliti soalan kajian. Bab ini seterusnya menerangkan instrument kajian yang digunakan iaitu soal selidik yang dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu bahagian A (demografi dan skor pelajar), bahagian B (motivasi) dan bahagian C (Strategi Pembelajaran)

Akhir sekali bab ini menerangkan prosedur pengagihan instrument kajian di mana pelajar yang menjawab soal selidik dikumpulkan di dalam satu dewan di mana kebetulan pada masa itu pelajar baru sahaja tamat peperiksaan akhir bagi matapelajaran bahasa Jepun. Borang-borang soal selidik tersebut dikumpulkan semula pada hari itu juga.